

# MAS bidas industri kargo sokongan

Oleh Ebi Azly Abdullah

**BH** 18 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Penerbangan Malaysia (MAS) membidas industri kargo sokongan negara kerana gagal meningkatkan prestasi setaraf dengan kemudahan canggih di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli berkata, banyak pengeluar yang mahu kargo mereka diproses dengan pantas dan syarikat penerbangan kebangsaan itu sudah melakukan segala yang perlu menerusi pelaburan dalam teknologi baru dan kemudahan canggih.

“Bagaimanapun, kami tidak boleh melakukannya sendiri kerana operasi kargo di KLIA turut bergantung kepada prestasi rakan kongsi kami iaitu Jabatan Kastam, ejen pengendali dan lain-lain,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Persidangan Angkut Asia 2000 di sini, hari ini. Persidangan antarabangsa itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tajudin berkata, MAS sudah melaburkan kira-kira RM640 juta untuk operasi kargonya di KLIA, termasuk

pembinaan Pusat Kargo Terkini untuk menyokong pembesaran perkhidmatan angkut udara.

Bagaimanapun, katanya, pengendali perkhidmatan tertentu seperti lori angkut gagal menyokong industri terbabit dengan kecekapan sewajarnya.

“Ia mewujudkan suatu kekosongan dalam rangkaian logistik menyeluruh,” katanya sambil menambah masalah itu perlu diatasi segera berikutan kedudukan KLIA sebagai antara lapangan terbang kargo utama di rantau ini.

Sementara itu, Tajudin ya-

kin prestasi pemiagaan kargo MAS yang semakin meningkat sejak berpindah ke KLIA.

“Kami yakin bahawa pertumbuhan kargo di negara ini menggalakkan kerana ada pengeluar yang memaklumkan mereka akan meningkatkan eksport produk masing-masing,” katanya.

Operasi kargo MAS di KLIA ketika ini mengendalikannya 400,000 tan barangan setahun berbanding 230,000 hingga 240,000 tan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, sebelum ini.